



IMARAH عمارة



MASJID IBN ABBAS, TAMAN IBU KOTA, KUALA LUMPUR

BIL : 3

BULETIN

2021



HAKIKAT & IBRAH MERDEKA

Kerap kali apabila menyebut tentang kemerdekaan, ramai khususnya di kalangan belia remaja yang terbayangkan kebebasan tanpa batas dan mengikut hawa nafsu. Mengikut pandangan ilmuwan ulung, Tan Sri Prof. Dr. Syed Muhammad Naquib al-Attas apabila disebut "kebebasan" dalam tradisi Islam ianya merujuk kepada ikhtiyar dan bukan hurriyyah. Kebebasan (ikhtiyar) adalah memilih sesuatu untuk yang lebih baik. Kebebasan, bagi Al-Attas, adalah berbuat menurut tuntutan sifat-dasarnya yang benar dan selari dengan fitrah insani dan tuntutan ilahi.

Pendeta Za'aba pula mengungkapkan kemerdekaan ialah "berubah daripada kepercayaan bodoh yang melemahkan akal dan ikhtiar kepada kepercayaan yang cerdas yang membebaskan fikiran; daripada ajaran yang mematkan hati kepada ajaran yang menghidupkan dan menyuburkan dia; daripada i'tiqad-i'tiqad yang serong dan terpesong

Sambungan >> Muka 2



MUSAADAH PERDANA IBADAH
QURBAN WILAYA PERSEKUTUAN - 3



PERTANDINGAN KEMERDEKAAN - 16



MOHD SHUKRI BIN HJ SHAFIE
PEMANGKU KETUA IMAM

SIDANG EDITOR

PENAUNG :

HJ. NIZAM SHAH BIN MOHD NOOR
Pengerusi Masjid Ibn Abbas

KETUA EDITOR

EN. AHMAD ZAMRI BIN HASAN
Ketua Biro Penerangan Dan Penerbitan

EDITOR

DATO' HJ. HASSAN BIN MOHD AMIN
DATO' ARIFIN BIN CHE MAT
HJ. KAMARUDIN BIN ISMAIL
HJ. MUHD SYAHAMIRUL EDININ BIN ABD HAMID
USTAZ MOHD SHUKRI BIN HJ SHAFIE
USTAZ MARWAN HADID BIN NOR KHAIR
EN. AHMAD KHAIRI BIN MAHIDIN
HJ. ABDUL LATIF BIN ABD RAHIM
HJH. TEH ROKIAH BINTI MOHAMAD SHARIF
PUAN ARMI BINTI MOHAMED RAMLI
USTAZ MUHAMAD SHALAHUDDIN BIN MUHAMAD AJIB
PUAN SAMSAH BINTI HUSAIN



MASJID IBN ABBAS

IMBAS QR KOD



HAKIKAT & IBRAH MERDEKA

Sambungan daripada mukasurat 1

kepada i'tiqad yang subur dan merdeka, daripada kezaliman pemerintahan berdasarkan hawa nafsu kepada kesolehan; dan daripada fikiran-fikiran yang menahankan dan menyekat kemajuan kepada fikiran yang membebaskan kemajuan dan menggalakkan kemaraan yang baik-baik dan mulia." Kemerdekaan sebenar adalah kemerdekaan jiwa dan minda. Tanpa kemerdekaan jiwa dan minda kemerdekaan fizikal tidak berguna.

Kemerdekaan sebenar diri manusia juga ialah apabila seseorang itu hanya tunduk dan terikat kepada Tuhan Yang Maha Agung dan membebaskan dirinya daripada sekalian ikatan keduniaan dan kemanusiaan yang membelenggu dan mengganggu gugat keharmonian ikatannya dengan Tuhan. Hanya apabila diri insan itu benar-benar merdeka dan telah tersemat nilai-nilai murni yang mantap dalam diri seseorang, maka apa jua wahana samada media sosial atau apa saja yang mendatang bakal menjadi alat penting ke arah memupuk perpaduan dan kemerdekaan sebenar.

Oleh kerana itulah kemerdekaan sebenar seringkali juga disebut kemerdekaan akal dan jiwa mengatasi "penjajah Nafsu". Menjadikan diri kita itu tunduk dan patuh hanya kepada Allah SWT sahaja, bukan mengikut dan tunduk kepada hawa nafsu. Ini sesuai dengan mafhum hadith Nabi SAW seperti hadith yang ke-41 yang dinukilkan oleh Imam Nawawi RA dalam kitabnya "al-Arba'in al-Nawawiyah" yang bermaksud: "tidak sempurna iman seseorang di antara kamu sehingga hawa nafsunya tunduk kepada apa yang telah aku sampaikan"

Justeru, pengajaran yang perlu kita ambil dari kemerdekaan yang kita sambut pada setiap tahun ini antaranya ialah :

1. Kita perlu berfikiran bebas iaitu membuat perkara baik dan kebajikan.
2. Mengenang Kembali tokoh pejuang kemerdekaan negara yang mengorbankan harta dan nyawa mereka untuk menyelamatkan tanah air dan akidah umat Islam.
3. Sebagai sebuah negara majmuk kita perlu menjaga hubungan sesama kaum yang bukan Islam, kerana orang yang menjaga perpaduan akan beroleh pahala, manakala orang yang sukakan perpecahan akan mengundang dosa dan bala dari Allah.

Oleh:

MOHD SHUKRI BIN HJ SHAFIE
PEMANGKU KETUA IMAM
MASJID IBN ABBAS

SENARAI AHLI JAWATANKUASA

Ketua Biro

Ustaz Marwan Hadid Bin Nor Khair

Ahli Jawatankuasa

Ustaz Mohd Shukri Bin Hj Shafie

En. Ahmad Khairi Bin Mahidin

Hj. Abdul Latif Bin Abd Rahim

Hjh. Teh Rokiah Binti Mohamad Sharif

Pn. Armi Binti Mohamed Ramli

Ustaz Muhammad Shalahuddin Bin Muhammad Ajjib



Anjuran Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Dengan kerjasama Masjid & Surau Wilayah Persekutuan

Bahagia Memberi Syukur Menerima

MUSAADAH PERDANA IBADAH KORBAN WILAYAH PERSEKUTUAN

1442H / 2021M

Sembelihan & proses hanya dibuat di pusat sembelihan

RABU / 11 ZULHIJAH 1442 ~ 21 JULAI 2021

Alhamdulillah, Masjid Ibn Abbas telah selesai menyempurnakan amanah para peserta ibadah korban tahun dengan penyertaaan 21 bahagian (3 ekor) lembu.

Penyerahan dan agihan daging kepada para peserta, para asnaf dan orang awam, selesai dilaksanakan pada jam 4.00 petang. Pengagihan mengikut SOP yang ditetapkan dan dilaksanakan dengan sempurna.

Pihak masjid juga ada menerima daging tambahan sebanyak 60kg yang disumbangkan oleh Yayasan Budi Malaysia melalui JAWI dan juga diagihkan kepada para asnaf.

Pihak masjid mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak JAWI atas penganjuran program kali ini. Semoga ibadah korban diterima Allah SWT.





MASJID IBN ABBAS
Tanjung Pagar, Kuala Lumpur

المناورات

BACAAN AL-MA'THURAT (SUGHRO)

Oleh: Imam Bertugas

Setiap Hari (6.45 Pagi)
(Kecuali Jumaat: akan bermula selepas solat subuh sehari FB Live)
Bermula : 30 Ogos 2021

Melalui Aplikasi Google Meet (GM)

Semua Muslimin & Muslimat
Dijemput Menyertai

"Semoga dengan bacaan zikir kita ini Allah lindungi kita dan keluarga kita dari sebarang bencana wabak."
-Amin-

#AllahSayangKita #KitaSayangAllah Biro Dakwah & Pendidikan

BACAAN AL-MA'THURAT (SUGHRA)

Bermula 30 Ogos 2021, Pihak Pentadbiran MIATIK akan mengadakan Majlis Bacaan Al-Ma'thurat harian melalui aplikasi "GOOGLE MEET".



Objektif inisiatif ini adalah seperti berikut:

- Mendoakan pandemik virus Covid-19 segera berakhir.
- Mendoakan kesembuhan dan kesejahteraan mereka yang terkesan dengan pandemik ini.
- Mendidik jemaah untuk beristiqamah dalam melazimi bacaan AL-Ma'thurat.
- Menerapkan rasa seronok dalam beribadah.

Masa: 6:45 pagi setiap hari (kecuali Jumaat melalui FBLive)

Link: meet.google.com/gwh-vqma-pqi

Harapan kami agar bacaan Al-Ma'thurat ini mendapat sambutan jemaah daripada semua lapisan umur. Jom kita memanfaatkan peluang ini dengan sebaiknya.



Khulafa Ar Rashidin

ABU BAKAR AS-SIDDIQ R.A (11-13H/632-634M)

Nama aslinya adalah Abdul Ka'bah. Kemudian Rasulullah SAW menggantinya dengan nama Abdullah. Lengkapnya Abdullah bin Abi Quhafah at-Tamimi. Terlahir dari pasangan Usman (Abu Quhafah) bin Amir dan Ummu Khair Salma binti Sakhr yang berasal dari suku Taim, suku yang melahirkan tokoh-tokoh terhormat.

Sejak kecil, beliau terkenal dengan sifat yang lemah lembut, jujur dan sabar. Sehingga disaat usianya menginjak remaja, beliau telah bersahabat dengan Rasulullah SAW. Ia terkenal dengan julukan Abu Bakar, dan "As- Siddiq" merupakan gelaran yang diberikan oleh para sahabat, karena ia sangat mempercayai dan membenarkan Rasulullah SAW dalam segala hal.

Abu Bakar diangkat menjadi khalifah dengan jalan musyawarah antara kaum Ansar dan kaum Muhajirin di Saqifah Bani Sa'idah (Balai Pertemuan Di Kota Madinah). Dalam masa kepemimpinannya, khalifah Abu Bakar telah mencapai usaha dan prestasi yang sangat luar biasa.

UMAR BIN AL-KHATTAB R.A (13-23H/634-644M)

Usia Umar lebih muda 13 tahun dari Nabi muhamad. Sejak usianya masih kecil, ia sudah terkenal dengan sifat pemberani dan cerdas. Tidak pernah takut menyatakan kebenaran dihadapan siapa pun. Jadi, tidak heran saat Umar bin Khattab memeluk Islam, barisan kaum muslimin ditakuti oleh orang kafir Quraisy. Sebelum memeluk Islam, ia sangat menentang Islam. Namun setelah masuk Islam, ia sangat berani menghadapi musuh-musuh Islam. Terkenallah ia sebagai "Singa Padang Pasir" yang amat disegani.

Kerana keperibadiannya yang tegas dan sangat kuat dalam memperjuangkan kebenaran, masyarakat memberinya gelan "Al-Faruq" yakni dengan tegas membedakan mana yang benar dan salah.

Pada masa pemerintahannya, wilayah Islam semakin luas sampai ke Mesir, Iraq, Syam, dan Negeri-Negeri Persia lainnya. Umar lah yang pertama kali membentuk badan kehakiman dan menyempurnakan pemerintahan. Juga meneruskan usaha Abu Bakar dalam membukukan Al-Qur'an.

Beliau wafat pada usia 63 tahun. Memerintah selama 10 tahun 6 bulan. Ia wafat oleh tikaman pedang Abu Lu'lu'ah, seorang budak milik al-Mughirah bin Syu'bah saat solat Subuh.



USMAN BIN AFFAN R.A (23-35H/644-656M)

Usman bin Affan adalah seorang saudagar kaya raya dan seorang penulis wahyu yang terkenal. Usianya lima tahun lebih muda dari Nabi Muhamad. Usman dikenal sebagai orang yang pendiam dan berbudi pekerti yang terpuji. Ia banyak melakukan amal kebaikan, sehingga ia mendapat gelar “Ghaniyyun Syakir” yakni orang kaya yang banyak bersyukur kepada Allah SWT.

Sekalipun ia sebagai orang yang kaya raya, namun ia tidak segan-segan untuk ikut berperang dan tidak pernah menjaga jarak dengan masyarakat kelas bawahan. Karena banyaknya kebaikan yang telah dilakukannya, maka ia dinikahkan dengan putri Nabi Muhamad yaitu Ruqayyah. Setelah Ruqayyah wafat, ia dinikahkan lagi dengan putri Nabi yang bernama Ummu Kullsum. Oleh karena itu, ia diberi julukan “Dzun Nurain” (Yang memiliki dua cahaya).

Jasa-jasa Usman bin Affan diantaranya: menyalin dan membukukan Al-Qur’an menjadi beberapa naskah. Dan beliau menetapkan pelafalan bacaan Al-Qur’an menjadi seragam dan serentak, tidak ada perbedaan. Karena karya besarnya sangat bermanfaat bagi umat Islam, maka mushaf tersebut dinamakan “Mushaf Usmani” sebagai penghargaan atas jasa beliau. Selain itu, beliau juga membentuk angkatan laut, memperluas wilayah Islam, menginovasi Masjid Nabawi, dan banyak lagi.

ALI BIN ABI THALIB R.A (36-41 H / 656-661 M)

Beliau dilahirkan di kota Mekah pada tanggal 12 Rajab tahun ke 30 setelah kelahiran Nabi Muhamad. Ibunya bernama Fatimah binti Asad. Ibunya memberinya nama Al-Haidarah yang berarti Asad (singa), kemudian ayahnya menggantinya dengan sebutan Ali.

Beliau dibesarkan dan dididik oleh Nabi Muhamad SAW. Ia masuk Islam setelah Saidatina Khadijah. Karena keberaniannya yang luar biasa, beliau mendapat gelaran “Singa Allah” dan “Karamallahu Wajhahu” (semoga Allah SAW memuliakan wajahnya).

Beliau merupakan putra dari paman Nabi sekaligus sebagai menantu Nabi Muhamad SAW. Ali bin Abi Thalib masuk Islam diusia yang sangat muda dan banyak membantu perjuangan Nabi. Setelah enam hari dari wafatnya Usman bin Affan, beliau diangkat menjadi khalifah pengganti perjuangan Usman bin Affan.

Beliau berjasa dalam mengganti pegawai-pegawai yang kurang cekap, memantapkan kewangan Negara (Baitul Maal), memajukan bidang ilmu bahasa, memajukan pembangunan, memadamkan pemberontakan di kalangan Umat Islam dan lainnya.

Dalam menjalankan tugasnya, para Khulafaur Rasyidin senantiasa meneladani kepemimpinan Rasulullah. Sifat dan akhlaknya sebagai pemimpin masyarakat, Ketua Negara dan Ketua Pemerintahan tercermin dari sifat-sifat utama yang dimilikinya. Sifat-sifat Khulafaur Rasyidin diantaranya:

- Arif dan bijaksana
- Berwibawa dan disiplin
- Berilmu agama yang luas dan mendalam
- Berani bertindak dan berkemauan yang keras

SENARAI AHLI JAWATANKUASA

PENGERUSI

DATO' ARIFIN BIN CHE MAT
019 240 1914

SETIAUSAHA

OTHMAN BIN NAWANG
016 606 2867

BENDAHARI

AHMAD KHAIRI BIN MAHIDIN
013 394 8984

TEKNOLOGI MAKLUMAT

ABDUL LATIF BIN ABDUL RAHIM
019 486 5772

KETUA SKUAD JENAZAH

HJ. MOHAMMAD PAIZ BIN SHAARI
019 358 9124

AJK (WAKIL TAMAN IBU KOTA)

SUZAIRI BIN DATO' MOHD SUKON
019 288 8608

AJK (WAKIL TAMAN DANAU KOTA)

SYED JALALUDDIN BIN SYED WAZIR
010 783 5976

AJK (WAKIL TAMAN SETAPAK INDAH)

HJ GHAZI BIN HJ. OMAR
011 2337 0488

AJK (WAKIL PV12)

SAIFUL ASFAR BIN A. RAHMAN
019 615 2163

AJK (WAKIL SETAPAK INDAH FASA 7)

ISMAIL BIN MOHD ARSHAD
016 278 5474

AJK (WAKIL MUSLIMAT / TERATAI MEWAH/ MEDAN IDAMAN)

AMINAH BINTI HJ ABD SHUKOR
012 660 7270

INTAN SURIA BINTI MOHD NOOR
012 204 7170



**BADAN KHAIRAT KEMATIAN
MASJID IBN ABBAS, TAMAN IBU KOTA**

Badan Khairat Kematian Masjid Ibn Abbas terus melaksanakan aktiviti teras di sepanjang tempoh PKP mengikut Garispanduan (SOP) yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) khususnya pengurusan jenazah dan majlis tahlil.

PENGURUSAN JENAZAH

Aktiviti utama BKK adalah membantu waris dalam aspek pengurusan jenazah untuk semua anak kariah yang memerlukan perkhidmatan BKK MIA samada ahli atau bukan ahli BKK seperti mendapatkan kenderaan jenazah, urusan mandi, kafan, solat dan pemberian sumbangan BKK kepada waris. Urusan pengendalian jenazah ini mendapat kerjasama erat dari Skuad Pengurusan Jenazah Malaysia (SPJM) dan juga dari pentadbir Tanah Perkuburan Taman Ibukota, Tanah Perkuburan Sg.Pusu dan Raudhatul Sakinah KL-Karak.

Sepanjang tempoh Jan hingga Ogos 2021 seramai 19 jenazah telah diuruskan oleh BKK iaitu 9 orang ahli, 8 orang tanggungan dan 2 bukan ahli. Terdapat juga permohonan daripada waris bukan ahli untuk menggunakan kemudahan bilik Pengurusan Jenazah BKK MIA atas alasan mereka mendapat perkhidmatan percuma dari NGO pengurusan jenazah luar (*boleh rujuk nota di bawah).

Setakat ini BKK hanya terlibat dengan pengurusan jenazah yang bukan Covid sahaja. Bagi jenazah Covid (samada ahli atau bukan ahli BKK MIA) semua urusan dikendalikan oleh pihak hospital dan tanah perkuburan juga telah ditetapkan oleh pihak JAWI. Dalam kes covid semua jenazah akan dikebumikan di Raudhatul Sakinah KL - Karak atau juga dikenali sebagai Raudhatul Sakinah Taman Selasih.

Bagi yang berminat menjadi ahli khairat kematian Masjid Ibn Abbas, sila dapatkan borang di Pejabat Masjid @ download dengan mengimbas QR kod dibawah.

Sila serahkan borang kepada **AJK WAKIL TAMAN** masing-masing untuk proses seterusnya.

YURAN PENYERTAAN AHLI KHAIRAT KEMATIAN MASJID IBN ABBAS :

RM 50.00 (SETAHUN)

RM 500.00 (SEUMUR HIDUP)

RM 20.00 (PENDAFTARAN)

IMBAS QR UNTUK DAPATKAN BORANG KEAHLIAN KHAIRAT KEMATIAN (MASJID IBN ABBAS)




**PERKHIDMATAN VAN JENAZAH
PERCUMA OLEH:**

**PERTUBUHAN AMAL NUR BY KHIRIAH
(FAIZUL : 012-205 8005)**

MAJLIS TAHLIL

Bagi memberi nafas baru kepada pengurusan jenazah di MIA, tahlil diadakan bersama keluarga dan sahabat ketika menunggu urusan mandi dan kafan jenazah di sempurnakan. Selain itu pihak masjid juga akan mengadakan majlis tahlil di masjid pada malamnya iaitu selepas solat maghrib dan memandangkan situasi sekarang masih dalam PKP dan perlu patuh SOP maka pihak masjid mengadakan majlis tahlil secara maya melalui FB dan Google Meet.



KEAHLIAN BKK MIA

Keahlian BKK MIA sentiasa bertambah walau pun agak perlahan dari segi bilangannya. Walau bagaimanapun BKK melalui wakil- wakil taman akan cuba menarik lebih ramai anak kariah menyertai atau menjadi ahli BKK MIA. Kedudukan jumlah keahlian mengikut jenis setakat 31 Ogos 2021 adalah seperti Jadual 1 berikut:

JADUAL 1- BILANGAN DAN JENIS KEAHLIAN BKK, MIA

NO	JENIS AHLI	BILANGAN
1	Ahli Biasa	345
2	Ahli Seumur Hidup	81
3	Ahli Meninggal Dunia	33
4	Ahli Tidak Aktif	6
	JUMLAH	465

Pertambahan ahli BKK bermula Januari hingga 31 Ogos 2021 mengikut bulan adalah seperti Jadual 2 berikut:

JADUAL 2 – PERTAMBAHAN AHLI BKK JAN -OGOS 2021

NO	JENIS AHLI	BILANGAN
1	Ahli Biasa	47
2	Ahli Seumur Hidup	8
	JUMLAH	55


PERINGATAN

A) Berdasarkan pemerhatian yang dibuat oleh BKK, kebanyakan waris tidak memperbaharui keahlian apabila seseorang ahli meninggal dunia sedangkan ahli mempunyai tanggungan di bawahnya. Untuk itu bila mana sumbangan diberikan kepada waris, BKK akan memberi borang keahlian bagi membolehkan waris memperbaharui keahlian.

B) Ahli-ahli juga diingatkan supaya membayar yuran mengikut tempoh yang ditetapkan dan memastikan bahawa tiada tanggungan yuran tahunan.



Bacaan Yassin & Tahlil sementara menunggu jenazah diuruskan



Solat jenazah mengikut SOP dengan penjarakan 1.5 meter



Pengebumian Jenazah di waktu Malam di perkuburan Taman Ibu Kota



Membantu wargaemas uzur untuk urusan pendaftaran ahli BKK MIA

“PEMBINAAN 'TUBE WELL' FASA PERTAMA SELESAI”

SENARAI AHLI JAWATANKUASA

Ketua Biro

Hj. Nizam Shah Bin Mohd Noor

Ahli Jawatankuasa Kerja

Dato' Hj. Hassan Bin Mohd Amin

Hj. Muhd Syahamirul Edinin Bin Abd Hamid

Ustaz Marwan Hadid Bin Nor Khair

Hj. Abdul Latif Bin Abd Rahim

Hj. Naveer Moheedin



Kerja penggerudian telaga tiub telah dimulakan pada 3 Ogos, dengan pengawasan operasi dibawah Jabatan Mineral dan Galian cawangan Wilayah Persekutuan dan Negeri Selangor Darul Ehsan (JMG). Kerja pembinaan terbahagi kepada 2 fasa, di mana fasa pertama melibatkan kerja-kerja penggerudian. Manakala fasa kedua pula adalah pemasangan sistem pam dan penapisan yang dijangka bersambung tidak lama lagi.

Terdapat dua kaedah untuk kajian mencirikan akuifer (lapisan batu telap) serta menilai potensi air bawah tanah iaitu Kaedah Keberintangan Elektik dan kaedah penggerudian. Namun begitu, kaedah keberintangan elektik tidak dapat dilakukan kerana kawasan yang terhad dan banyak halangan. Pihak JMG terpaksa menggantikan kaedah ini dengan sumber data-data geologi kawasan terhampir dari arkib sebagai rujukan. Hasil data tersebut turut disemak menerusi kaedah penggerudian.

Kerja penggerudian yang dijalankan selama seminggu telah mencapai kedalaman 40.5 meter.

Litologi (kajian batuan) bagi lubang penggerudian adalah terdiri daripada lapisan tanah tambak yang berkedalaman antara 0.2 - 5 meter, lapisan batuan pasir berkedalaman antara 5 - 14 meter, lapisan tanah liat berkedalaman antara 14 - 25 meter, lapisan batuan kerikil berkedalaman antara 25 - 28.5 meter dan kedalaman terakhir antara 28.5 - 40 meter adalah lapisan batu kapur.

Kerja penggerudian telah dihentikan pada kedalaman 40.5 meter dan diteruskan dengan proses membina telaga dengan memasukkan paip dan skrin mengikut saiz yang dipersetujui.

Pra-penilaian potensi zon air bawah tanah telah dilakukan melalui ujian pam dan ujian penyusutan, di mana hasil penilaian permulaan telah melepasi tahap kelulusan. Ujian yang sama juga akan dilakukan sekali lagi bersama-sama dengan ujian pemulihan air di fasa kedua nanti.

Kerja fasa pertama ini telah disempurnakan pada 17 Ogos yang lalu. Pemasangan 'submersible water pump', sistem penapisan air dan tangki akan dilakukan di fasa kedua nanti.

FOTO PEMBINAAN 'TUBE WELL' DAN ILUSTRASI HASIL LITOLOGI LAPISAN TANAH



Kerja pelarasan peralatan ke posisi pengerudian



Pengukuran paras air dan pengawasan kuantiti air dilakukan oleh wakil JMG di lapangan.




Jentera yang digunakan untuk mengorek



10 *Hasil fasa pertama yang telah siap.*



Kerja pengerudian sedang dijalankan.



Ilustrasi keratan rentas litologi jenis lapisan tanah di tapak bina 'Tube well' Masjid Ibn Abbas.

“PEMBANGUNAN SISTEM PENGGALAN DATA EMASJID BAKAL BERIKEMUDAHAN DAN FAEDAH KEPADA PARA JEMAAH DAN ANAK KARIAH”

Biro Pembangunan dan Ekonomi MIATIK (BPE) akan mewujudkan sistem pangkalan data bersepadu sebelum akhir tahun ini.

Pengerusi MIATIK merangkap Pengerusi BPE, Hj Nizam Shah Mohd Noor berkata, pangkalan data yang sedang dibangunkan bakal beri kemudahan pengurusan pelbagai sumber data berkaitan Kariah, Aduan, Tempahan, Kewangan, Sumber Manusia, Inventori dan Penyelenggaraan secara atas talian. Dengan sistem ‘online’ status pengurusan masjid dapat di akses secara ‘Realtime’ dan di mana sahaja melalui telefon bimbit, komputer peribadi atau sebarang peralatan elektronik yang ada akses internet.

Antara misi dan visi utama pembangunan sistem ini adalah untuk melestari pengurusan masjid, meningkatkan kualiti dan profesionalime pengurusan masjid sentiasa efektif, efisien, dinamik, produktif, sistem berintegrasi serta komunikasi di hujung jari selari peredaran zaman teknologi terkini.

Sistem berkenaan turut berintegrasi dengan halaman sesawang rasmi masjid. Selain akses dari laman sesawang rasmi masjid, anak kariah atau pengguna boleh juga memuat turun aplikasi berkenaan menerusi platform android atau Apple IOS.



“Pangkalan data ini, yang masih dalam fasa pembangunan, akan melibatkan integrasi dan migrasi keseluruhan input data sedia ada dan lain-lain yang akan dikumpulkan di bawah satu sistem,” katanya ketika sesi pertemuan sambutan Hari Kemerdekaan di Masjid Ibn Abbas Taman Ibukota baru-baru ini.

Beliau turut menambah, pembangunan sistem tersebut adalah antara hala tuju baharu bentuk pengurusan masjid yang lebih bersepatematik dan mesra kariah yang telah dibincangkan dalam Mesyuarat Ahli Jawatankuasa yang lalu.

Daripada Abu ad-Darda, Rasulullah S.A.W bersabda yang bermaksud: "Sesungguhnya para ulama itu adalah pewaris para nabi. Sesungguhnya para Nabi tidak mewariskan dinar dan dirham. Sesungguhnya mereka hanya mewariskan ilmu, maka barangsiapa mengambil warisan tersebut ia telah mengambil bahagian yang banyak (daripada ilmu itu)".
Hadits riwayat Imam at-Tirmidzi,

SENARAI AHLI JAWATANKUASA

Ketua Biro

Hj. Kamarudin Bin Ismail

Ahli Jawatankuasa Kerja

En. Abu Bakar Bin Abdullah

En. Ahmad Khairi Bin Mahidin

Hj. Abdul Latif Bin Abd Rahim



PROSES SANITASI BERKALA DEMI KESELAMATAN DAN KESELESAAN JEMAAH



PEMBINAAN SINKI BARU
DIRUANG SANTAPAN



PEMBUANGAN DINDING MENARA
YANG SUDAH REPUT



SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN



MENYEDIAKAN RUANG REHAT DAN SANTAI YANG BARU



SENARAI AHLI JAWATANKUASA

Ketua Biro

Hjh. Teh Rokiah binti Mohammad Sharif Setiausaha

Puan Samsiah binti Husain

Bendahari

Puan Sarinah binti Mohd Shariff

Ahli Jawatankuasa Kerja

Puan Armi binti Mohamed

Hjh Norhanim binti Azman

Puan Rosidah binti Shukor

Puan Rosmahwati binti Din

Puan Manja binti Diran

Puan Rose Liza binti Ramly

Puan Siti Zawiah binti Sahri

Puan Noraihan binti Mokhtar

ANTARA AKTIVITI-AKTIVITI BIRO MUSLIMAT

PROGRAM
KEMBARA MASJID

KULIAH DHUHA
MINGGUAN

PROGRAM
ZIARAH / LAWATAN

KULIAH DHUHA
PERDANA

TABUNG BENCANA
(TABUNG BANTUAN BANJIR DI YAN, KEDAH)

SUMBANGAN BOLEH DISALURKAN KE:
AKAUN BANK MUAMALAT : MASJID IBN ABBAS
14030006439714

ANJURAN : BIRO MUSLIMAT MASJID IBN ABBAS

Allahuakbar, dalam sekelip mata sahaja, banjir besar telah menimpa penduduk di beberapa kawasan di Yan. Antaranya di Perigi, Teroi Bukit, Singkir, Kampung Lubuk Boi, Pekan Yan Besar, Kampung Acheh dan Kampung Setoi.

Bahkan paling menyayat hati, mereka terpaksa berperang dengan COVID-19, dan duji pada masa yang sama dengan banjir kilat. Sehingga kini, empat mangsa dilaporkan terkorban telah berjaya ditemui, manakala dua mangsa lagi masih hilang.

Dengan rasa bertanggungjawab dan ambil peduli Pihak Masjid Ibn Abbas anjuran Biro Muslimat telah melancarkan Tabung Bantuan Bencana Banjir di Yan, Kedah.

Insyallah segala sumbangan akan disampaikan kepada Penduduk yang terkesan dengan musibah ini melalui NGO-NGO yang bertauliah dalam membantu mangsa-mangsa banjir di Yan, Kedah.

**JUMLAH KUTIPAN
RM 10,000.00**

MASJID IBN ABBAS
Taman Ibu Kota Kuala Lumpur

Salam
MA'AL HIJRAH
1443H

TAZKIRAH AWAL MUHARRAM GOOGLE MEET

HIJRAH KE ALAM BAQA'

USTAZAH MUZAYYANAH ABDULLAH
MASA : 11.00 PAGI

BACAAN SURAH YASIIN
Dipimpin oleh **HAJAH JAH HAJI AHMAD**
untuk pesakit Covid 19 & pesakit lain
MASA : 3.00 PETANG
10.08.2021 SELASA

f LIVE Google Meet **BIRO MUSLIMAT MASJID IBN ABBAS** Google Meet

10 Ogos 2021 - Hari ini bersempena dengan sambutan Awal Muharram, Biro Muslimat Masjid Ibn Abbas telah menganjurkan "Tazkirah Awal Muharram" di sebelah pagi dan Bacaan Surah Yasiin di sebelah petang.

Program Tazkirah Awal Muharram yang disampaikan Oleh Ustazah Muzayyanah (Ustazah Zai) telah mendapat sambutan yang menggalakkan dari jemaah masjid dan jemaah Muslimat Kuliah Dhuha.

Manakalan program Bacaan Surah Yasiin dipimpin oleh Hajah Jah Haji Ahmad khusus buat pesakit Covid-19 dan Pesakit lain secara amnya. Kedua-dua program ini telah berlangsung secara "Google Meet" dan telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan.

Alhamdulillah rata-rata jemaah yang menyertai di dalam program ini memberikan maklumbalas yang baik dan mencadangkan agar program sebegini diadakan lagi.



Alhamdulillah, syukur kehadiran Allah SWT, walaupun dalam keadaan pandemik Virus Covid-19 yang belum reda dan angka jangkitan masih tinggi, Biro Muslimat dengan jayanya telah menganjurkan Kuliah Khas sempena sambutan Hari Kemerdekaan Malaysia Ke-64.

Program ini telah berlangsung secara maya melalui Google Meet dan ianya mendapat sambutan yang amat menggalakkan dari para jemaah khususnya jemaah kuliah dhuha muslimat.

Program Kuliah Khas ini yang diberi tajuk “Memerdekakan Keyakinan Kita” telah disampaikan oleh Ustazah Dr. Robiah K. Hamzah.

Semoga kuliah ini dapat memberi manfaat kepada kita semua agar menjadi hamba Allah SWT yang lebih taat dalam melaksanakan perintah-Nya.


Merdeka! Merdeka! Merdeka!

5 Julai 2021 - Hari ini Pusat Pungutan Zakat (PPZ) MAIWP dan Biro Muslimat Masjid Ibn Abbas telah menganjurkan program yang diberi nama “Muslimah Corner”.

Program ini telah menampilkan Ustazah Nurul Hidayah dan tetamu undangan Daie Hidayu dalam memberi ceramah bertajuk “Aku Mahu Tenang”.

Program ini telah berlangsung secara maya atas talian melalui “Facebook Live” Masjid Ibn Abbas dan telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan.

Semoga kerjasama di antara PPZ MAIWP dan Masjid Ibn Abbas dapat dikekalkan dan dapat menganjurkan lagi program-program seumpama ini, Insha’Allah.



Beberapa “Screenshot” Google Meet Program anjuran Biro Muslimat Masjid Ibn Abbas, antara program yang dijalankan ialah Bacaan Yasin dan Tahli, Khatam Al-Quran, Tazkirah & Kuliah.

PERTANDINGAN "IMARAH KEMERDEKAAN 2021"

Kemerdekaan (Tulisan Jawi: **كمرديكآن**) ialah pemerintahan sendiri oleh penduduk dalam sesebuah negara yang secara amnya menuntut kedaulatan.

Istilah kemerdekaan digunakan untuk membezakan dengan penaklukan yang merujuk kepada sesuatu kawasan sebagai "wilayah" yang dikawal oleh sebuah kerajaan luaran dari segi politik dan tentera. Perkataan ini kadang juga digunakan dalam erti kata yang lebih lemah untuk membezakan dengan hegemoni yang merupakan kawalan sebuah negara secara tak langsung oleh sebuah negara yang lebih kuat.

Tarikh kemerdekaan (atau kekadanganya permulaan pemberontakan) biasanya dirayakan sebagai hari kelepasan negara yang dikenali sebagai hari kemerdekaan. Bagi negara kita Malaysia, tanggal 31 Ogos 1957 merupakan tarikh sejarah yang perlu dikenang oleh setiap generasi. Sempena Bulan Kemerdekaan pada tahun 2021 ini Biro Belia dan Beliawanis Masjid Ibn Abbas telah mengadakan satu pertandingan "IMARAH KEMERDEKAAN" sepanjang bulan Ogos ini. Program ini melibatkan beberapa jenis pertandingan dan mengikut kategori tertentu iaitu:

- 1- Deklamasi Sajak
- 2- Penulisan Sajak
- 3- Penulisan Cerpen
- 4- Mewarna Poster

Pertandingan Deklamasi Sajak, Penulisan Sajak dan Penulisan Cerpen terbuka kepada beberapa kategori :

- 1- Kategori Sekolah Rendah (7-12 tahun)
- 2- Kategori Sekolah Menengah (13-17 tahun)
- 3- Kategori 18tahun ke atas

Manakala bagi pertandingan Mewarna Poster pula hanya terbuka bagi kanak-kanak 6 tahun ke bawah sahaja. Setiap pertandingan terbuka kepada semua anak-anak kariah Masjid Ibn Abbas dan pelajar - pelajar sekolah sekitar Taman Ibukota.

SENARAI AHLI JAWATANKUASA

Ketua Biro Belia

Ustaz Muhamad Shalahudin Bin Muhamad Ajib

Ketua Biro Beliawanis

Puan Armi Binti Mohd Ramli



Pertandingan bermula dari 9 hingga 29 Ogos 2021. Program ini bertujuan untuk menyemaikan semangat patriotisme bukan sahaja dikalangan belia dan beliawanis malahan dari usia kanak-kanak juga.

Pada 30 Ogos 2021, semua penyertaan pertandingan telah dikumpul dan dinilai oleh juri-juri khas Masjid Ibn Abbas. Alhamdulillah, sambutan yang sangat menggalakkan di kalangan kanak-kanak bagi pertandingan Mewarna Poster. Manakala penyertaan dari kalangan pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah agak kurang mungkin disebabkan oleh kekangan masa yang agak terhad. Ini kerana pihak sekolah sendiri juga mengadakan pelbagai pertandingan kemerdekaan pada masa yang sama.

Majlis Penyampaian Hadiah telah diadakan di Masjid Ibn Abbas pada 31 Ogos 2021 bertepatan dengan hari kemerdekaan negara kita. Semua hadiah wang tunai telah disampaikan sendiri oleh Pengerusi Masjid Ibn Abbas, Tuan Haji Nizam Shah bin Mohd Noor kepada peserta-peserta pertandingan.

Syabas dan tahniah kepada semua peserta Pertandingan Imarah Kemerdekaan 2021. Diharapkan pertandingan seperti ini akan berlangsung lagi pada tahun-tahun hadapan dengan lebih meriah dan mendapat sambutan yang lebih hangat dari belia dan beliawanis kita.

“Bangkit Belia Untuk Agama dan Negara”

Semua hasil-hasil karya peserta boleh dilihat di laman facebook Masjid Ibn Abbas.



MASJID IBN ABBAS



CERPEN PILIHAN
BULAN KEMERDEKAAN

Merdeka?

Ditulis oleh : Mun Shariff

“Mun, apa erti merdeka untuk kau?”

“31 Ogos 1957. Tunku Abdul Rahman. Dataran Merdeka.”

“Itu saja?”

Mun ketawa kecil melihat rakannya, Amin yang terbeliak matanya mendengar jawapan Mun.

“Itu saja idea aku ada sekarang. Sebab soalan kau ni klise sangat. Dah penat aku dengar setiap tahun.”

“Teruk betullah kau ni. Cubalah bagi jawapan tulus dari hati sikit.”

Dengus Amin.

Mun sekadar tersenyum, memalingkan pandangannya ke lautan yang terbentang luas di depan mereka. Memang boleh dikatakan aktiviti petang kegemaran mereka berdua adalah termenung, berborak tentang kehidupan sambil disaksikan laut dan langit yang sentiasa takkan pernah jemu memberikan ketenangan.

“Merdeka, pada aku, ertinya bebas.” Jawab Mun, ringkas.

“Boleh bagi penjelasan panjang sikit tak? Kau ini, selagi boleh pendek, memang sepatah-sepatah saja jawapan kau. Aku sampai dah mati kutu nak cuba fahamkan semua ayat kau.”

Mun menjeling Amin sekilas, bersama senyuman segar yang penuh makna, kemudian terus dipalingkan semula pandangannya ke arah lautan. Tanpa sebarang kata, Amin tahu, memang jawapan Mun sepanjang itu sahaja. Bukan baru sehari dua Amin dan Mun bersahabat, tetapi sejak dari mereka di bangku sekolah lagi. Sekarang, kedua-duanya sudah menjadi orang dewasa yang berkerjaya. Mun pula, memang seperti itu sejak dari dulu. Berilah kepadanya soalan sepanjang mana pun, jawapannya selalu ringkas dan penuh makna tersirat.

[Lima hari sebelumnya]

“Mun, boleh saya tanya sesuatu?” Soal Dr. Zubaidah, penuh berhati-hati.

Mun sekadar mengangguk walaupun hatinya terasa seperti ingin meletup, berdebar menunggu soalan mencabar bagaimana pula Dr. Zubaidah ingin tujukan kepadanya.

“Apa yang selalu awak doa pada Allah sesudah solat?”

Alamak. Soalan ini. Meskipun tiada manusia lain yang pernah bertanya soalan ini kepada Mun, jawapannya bukanlah sesuatu yang sesuai untuk diberitahu kepada sebarang orang.

Mun tertunduk, memikirkan sama ada dia perlu berkata jujur, atau boleh sahaja dia memanisakan sedikit jawapannya agar lebih mudah diterima dan dihadam.

“Mun? Dengar tak?” Dr. Zubaidah menyelit suaranya dalam fikiran Mun yang sedang ligat berpusing. Soalan yang rasanya hampir puluhan kali ditanyakan sewaktu setiap kali sesi terapi maya ini berlangsung.

Begitulah kehidupan di waktu pandemik ini. Sedangkan terapi pun dijalankan secara maya sahaja.

“Dengar. Kejap.” Mun meminta sedikit masa untuk memberikan jawapannya.

“Saya doa...” Perlahan-lahan Mun menuturkan kata.

“...saya doa...Allah tarik nyawa saya.” Seperti biasa, ringkas jawapan Mun, tapi memadai untuk memecahkan hati siapa saja yang mendengarnya.

Tik, tok, tik, tok. Sunyi seketika panggilan video itu. Yang kedengaran cuma ketikan jarum jam di dinding bilik Mun.

“Mun...” Dr. Zubaidah memulakan kata, kali ini jauh lebih berhati-hati dari sebelumnya.

“...kehidupan ini terlalu perit untuk awak, bukan?”

Tidak semena-mena, empangan mata Mun pecah. Berjuraian air mata yang telah ditahan sejak dari awal sesi malam itu. Walaupun tidak pernah ditikam dalam kehidupan realiti, sakitnya di dada Mun pada ketika itu meyakinkan Mun bahawa pasti beginilah perasaannya. Kesakitan yang tidak ramai manusia mampu tela atau hadam. Malah Mun sendiri tidak mampu mengungkapkan perasaannya dengan kata-kata. Seolah-olah tidak wujud kosa kata yang sesuai dan sepadan untuk menggambarkan kepedihan dan keperitan yang dirasainya pada ketika ini.

“Mun, awak okey?” Dr. Zubaidah sekali lagi memecah kesunyian. Mun yang sedari tadi hanya mengalirkan air mata dalam senyap, kini mula menundukkan kepalanya agar tidak terlihat pada kamera komputer ribanya.

“Doktor, boleh kita tamatkan sesi malam ini setakat ini?” Mun cuba mengukir kata dalam sedu. Tidak berniat untuk membuat Dr. Zubaidah kecil hati, tetapi Mun sudah tidak mampu lagi untuk meneruskan perbincangan ini.

“Boleh Mun. Ambillah masa sebanyak mana yang awak perlu. Jaga diri.” Ringkas Dr. Zubaidah menjawab, masih bersama senyuman manisnya. Bezanya seorang yang terlatih dalam bidang psikologi berbanding manusia lainnya, adalah mereka tahu sedikit sebanyak maksud tersirat pada setiap kata atau persoalan yang ringkas. Pada Mun, perkara itu yang paling dia perlukan, kerana dia tidak mahir dalam menjelaskan perihalnya.

Tanpa sebarang kata, Mun terus menekan butang merah di skrin komputernya untuk menamatkan panggilan tersebut.

“Amboi, jauh termenung!” Amin mencuit lengan Mun, menyedarkan Mun dari lamunannya.

“Eh, apa ni main cuit-cuit pula?” Mun memalingkan badannya membelakangi Amin, seolah-olah berlakon merajuk.

“Habis tu, kau termenung macam dah sampai ke Kutub Utara dah jauhnya. Aku cuitlah. Padahal aku tanya soalan senang pasal merdeka je pun, kau dah termenung macam aku tanya soalan falsafah berbelit-belit saja.”

“Aku rasa aku dah ada jawapan untuk soalan kau.” Mun memandang tepat ke wajah Amin, dengan senyuman separa hambar. Kelihatan mata Mun sedikit berkaca berbanding sebelumnya.

“Apa jawapannya?” Amin bingkas memusingkan duduknya menghadap Mun, dengan wajah penuh tanda tanya.

“Merdeka itu bebas, dari segala kepayahan, kepedihan dan kesakitan, terzahir melalui ketenangan hidup dan kelapangan minda. Tak kisahlah negara, atau bangsa, atau agama, atau masyarakat, atau diri kita sendiri. Merdeka itu, sesuatu yang aku inginkan, tapi belum dapat aku capai.”

“Hebat jawapan kau ni. Dah macam ahli falsafah dah aku dengar.”

“Hebat pun, kau faham ke tak apa yang aku cakap?”

“Tak faham sangat, tapi tak mengapa. Aku akan balik fikirkan kata-kata kau ni.”

“Bagus. Macam inilah kawan.” Mun tersenyum lebar, puas hati dengan jawapan sahabat karibnya, Amin.

“Doktor Zubaidah, saya dah bersedia.”

“Bersedia? Bersedia untuk apa?”

“Bersedia untuk berusaha, untuk merdeka.”


GEROBOK REZEKI TAWAR BARANGAN ASAS DAPUR BUAT YANG MEMERLUKAN

Pelancaran program Gerobok Rezeki (GR) Masjid Ibn Abbas telah dimulakan pada 12 Jun yang lalu. Program berkenaan adalah kesinambungan program 'Bantuan untuk Asnaf' yang dikelolakan oleh pihak pentadbiran Masjid Ibn Abbas Taman Ibukota (MIATIK) sebelum ini.

Pengerusi Biro Kebajikan MIATIK, YBhg Dato Hj Hassan Mohd Amin berkata, program 'Gerobok Rezeki' ini adalah hasil dari penambahbaikan program 'Bantuan Untuk Asnaf' yang dilaksanakan sebelum ini yang turut disarankan oleh pihak JAWI. Mereka yang memerlukan bantuan boleh terus menghubungi talian hotline yang disediakan dengan meninggalkan pesanan keperluan tanpa menunggu giliran penerimaan bulanan seperti sebelum ini.

Selain dari asnaf, golongan yang terkesan akibat pandemik COVID-19 juga boleh membuat permohonan. Proses penyerahan juga telah dipermudahkan dan disegerakan tanpa menunggu lama. Buat masa ini bantuan yang disediakan adalah dalam bentuk keperluan barangan asas dapur.

Tambahnya lagi, program ini telah mendapat pelbagai sokongan, sumbangan dan kerjasama dari orang perseorangan, agensi kerajaan terutamanya JAWI, MAIWP, dan swasta serta pelbagai NGO yang perihatin. Pihak Biro Kebajikan tidak menjanjikan kesempurnaan tetapi kami sentiasa berusaha untuk meningkatkan lagi usaha dan mutu perkhidmatan bagi memastikan keberkesanan dan objektif program ini tercapai, ujarnya lagi.



SENARAI AHLI JAWATNKUASA.

Ketua Biro

Dato' Hj. Hassan Bin Mohd Amin

Setiausaha

Hj Muhd Syahamirul Edinin Bin Abd Hamid

Bendahari

En. Ahmad Khairi b. Mahidin

Wakil Taman Ibu Kota


Hj. Mohd Yunos Bin Hashim

Wakil Taman Danau Kota

Dato' Hj. Hassan b. Mohd Amin

Wakil Taman Setapak Indah

En. Ahmad Zamri b. Hj. Hasan



Tidak kurang dari RM13 Ribu dana yang diperuntukkan telah dibelanjakan dan dimanfaatkan untuk program ini. Pihak Biro Kebajikan amat berterima kasih dan menghargai atas segala sumbangan yang diterima dari semua pihak yang terlibat menjayakan program ini. Keikhlasan anda dalam menginfaq sebahagian dari rezeki anda, amat bermakna buat mereka yang memerlukan. Semoga amalan anda ini mendapat setinggi-tinggi ganjaran dari Allah SWT.

Program Gerobok Rezeki yang diusahakan oleh Biro Kebajikan Masjid Ibn Abbas Taman Ibukota telah dimulakan pada 12 Jun 2021. Hasil dari kajian yang diperolehi semenjak program ini dilancarkan, seramai 114 orang pemohon telah direkodkan, di mana hanya 16.7 peratus adalah dari anak kariah manakala selebihnya adalah diluar kariah. Rumusan dari carta yang disediakan, terdapat penurunan permintaan GR sebanyak 54 peratus dari bulan Julai ke Ogos. Penurunan ini telah dikenalpasti adalah hasil dari pertambahan bantuan dari surau-surau di bawah naungan Masjid Ibn Abbas, sumbangan gerak sendiri pelbagai badan NGO yang aktif di kawasan ini dan juga kelonggaran kawalan pergerakan yang telah diberikan oleh kerajaan.



Bantu kami daftarkan mereka dengan memuat turun borang melalui QR code yang disediakan. Bersama-sama kita mencapai Asnaf Sifar di kariah kita.



BORANG ASNAF MIA

ANTARA PENERIMA-PENERIMA BANTUAN GEROBOK REZEKI MASJID IBN ABBAS




Gerobok Rezeki Santuni Asnaf & Fakir Miskin

Bantuan barangan keperluan asas makanan untuk keluarga asnaf dan fakir miskin kariah Masjid Ibn Abbas Taman Ibukota, Kuala Lumpur.

Talian Hotline kami

01119625740



Tabung Kebajikan telah disediakan di ruang solat luar Masjid Ibn Abbas Taman Ibukota sebagai alternatif selain dari sumbangan melalui talian.

INFAQ TUNAI BOLEH DISALURKAN KE AKAUN:



Maybank

5642 2163 6512

MASJID IBN ABBAS